

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (25)

Tarikh : 10 Mac 2015

**Ketua Pengarah
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK “SAYA SEPERTI SEORANG WARGA ASING” BERTARIKH 8 MAC 2015 AHAD – M.S: 43

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Bahari Bin Mohd Hanif yang berstatus Pemastautin Tetap.

3. Untuk makluman, penentuan status kewarganegaraan seseorang individu adalah berdasarkan dokumen yang dikemukakan semasa pendaftaran kelahiran. Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap dan bukti kelahiran berlaku di Malaysia akan menyebabkan status diberikan sebagai bukan warganegara.

4. Untuk makluman juga, Encik Bahari Bin Mohd Hanif telah membuat permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada 18.04.2013 di JPN Alor Gajah, Melaka yang masih dalam proses pertimbangan Kementerian Dalam Negeri. Makluman keputusan akan dimaklumkan melalui surat berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)